

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 1&3
RUANGAN : NEGARA

Caj hospital kerajaan kekal

Timbalan Menteri jamin rakyat Malaysia terus nikmati rawatan kesihatan paling murah

RM1

HOSPITAL Kuala Lumpur merupakan salah sebuah fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia.

PERKHIDMATAN yang ditawarkan di hospital di Malaysia kekal antara yang paling murah di dunia apabila kerajaan tidak bercadang untuk menghapuskan caj RM1 kepada pesakit luar di semua fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia.

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr. Lee Boon Chye (gambar kecil) berkata, caj yang terkandung dalam Perintah Fi (Perubatan) 1982 itu tidak pernah dikemas kini sejak 36 tahun lalu.

Menurut beliau, caj tersebut sangat rendah kerana telah meliputi caj pendaftaran, perundingan pegawai perubatan,



PESAKIT luar di hospital kerajaan hanya perlu membayar RM1 untuk mendapatkan rawatan.

ubat-ubatan serta X-ray dan ujian makmal.

"Kos sebenar jauh lebih besar. Sebagai contoh, pesakit warga asing yang menjalani pemeriksaan X-ray dada perlu membayar

RM80 dan sekiranya warganegara mendapatkan pemeriksaan yang sama di fasiliti swasta, RM45 dikenakan tidak termasuk caj perundangan," jelasnya.

» LAPORAN DI MUKA 3